

Majlis Pelancaran Pelita Brunei Berwajah Baru

Jabatan Penerangan terus memacu kecanggihan teknologi digital seiring dengan perkembangan dunia surat khabar masa kini apabila PELITA BRUNEI Berwajah Baru dilancarkan bermula keluaran 24 Februari 2010.

Majlis pelancarannya telah disempurnakan oleh Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud pada hari Selasa, 23 Februari bertempat di Jabatan Percetakan Kerajaan di Berakas.

Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong dalam ucapannya sempena majlis tersebut berkata, secara praktikalnya PELITA BRUNEI Berwajah Baru akan meningkatkan lagi kualiti, perisian dan reka letak edisi bagi memenuhi cita rasa dan kehendak stakeholdersnya. Apa yang paling penting ialah ilmu dan maklumat dapat disampaikan kepada orang ramai selaras dengan tugas dan tanggungjawab Jabatan Penerangan untuk 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'.

PELITA BRUNEI Berwajah Baru menampilkan pembaharuan mast head yang lebih menarik



Tetamu kehormat Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Muhammad bin Haji Daud di Majlis Pelancaran pelita Brunei Berwajah Baru beserta jemputan yang hadir.

menonjolkan tulisan Jawi yang lebih dominan dari tulisan Rumi, selaras dengan dasar Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya pemakaian tulisan Jawi lebih besar dari tulisan Rumi. Cetakannya menggunakan kertas wood free bagi menggantikan kertas news print yang telah digunakan sejak tahun 1976. Pembaharuan ini juga membantu Jabatan Penerangan

dan Jabatan Percetakan Kerajaan menjimatkan kos penerbitannya, terutama dari segi penggunaan tenaga kerja, masa dan kewangan.

Melalui pengedaran cetakan yang berwajah baru ini, jabatan berharap orang ramai akan berpuas hati dan apa juga cadangan serta pemikiran yang baik daripada para pembaca untuk membaikkan lagi penerbitan PELITA BRUNEI yang sudah berusia 54 tahun pada 15 Februari 2010 adalah sentiasa dialu-alukan.

Pertukaran Pegawai

Awang Haji Mahmud bin Haji Masri, Pegawai Pentadbiran Tingkat Khas mula berkhidmat di Jabatan Penerangan pada 3 Januari 2006.

Beliau akan mulai berkhidmat di Jabatan Radio dan Televisyen Brunei mulai 1 Februari dalam jawatan yang sama.

Atas pertukaran ini seluruh warga Jabatan Penerangan mengucapkan tahniah dan selamat maju jaya.



Kakitangan Yang Bersara



Awang Ahmad bin Haji Tahir
Jawatan: Pembantu Pegawai Luar Penerangan
Cuti sebelum bersara: 10 Disember 2009 - 13 Februari 2010
Tarikh bersara: 14 Februari 2010

Sidang Redaksi

Penasihat

Dr Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong

Ketua Pengarang

Hajah Noorashidah Haji Aliomar
Sastra Sarini Haji Julaini

Ahli Sidang Pengarang

Noriah Haji Abdul Hamid
Hajah Noorhijrah Haji Idris
Hajah Zaianit Haji Noorkhan
Aidah Hidop
Hajah Apsah Haji Sahdan

Penyumbang Berita

Ismalee Haji Abdul Rahman
Hajah Norpisah Md Salleh
Fa'ezah Hayati binti Hj abd Rahman
Asnah Diwa
Bahagian-bahagian
Cawangan Daerah-daerah

Penyemak

Hajah Norpisah Md Salleh

Penyelaras Online

Haji Ariffin Mohd Noor

Fotografi

Bahagian Fotografi
&
Audio Visual
Bahagian Perhubungan Awam
Bahagian Berita Inggeris
&
Media IT

Reka letak

Hajah Apsah Haji Sahdan

Sekapur Sirih

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera kepada semua warga Penerangan...

Kita sudah berada di dalam bulan kedua tahun 2010, kegiatan-kegiatan dan perancangan jabatan semakin kian rancak dijalankan. Bulan ini memperlihatkan beberapa projek sempena Sambutan Hari Kebangsaan telah dijalankan. Seperti lazimnya pada setiap tahun jabatan berperanan untuk sama-sama memberigakan Hari Kebangsaan. Aktiviti yang dijalankan termasuk penerbitan poster Hari Kebangsaan, pengawalan dan taklimat kepada media serta penyediaan Laman Web Hari Kebangsaan. Salah satu program yang telah dilaksanakan ialah Kempen Mengibarkan Bendera di keempat-empat daerah. Kempen seperti ini telah dapat meningkatkan lagi semangat patriotik di kalangan masyarakat dalam sama-sama meraikan hari tersebut.

Sempena sambutan ini juga Pelita Brunei mengorak langkah dengan memperkenalkan wajah barunya bermula keluaran 24 Februari, 2010. Pencetakan Pelita Brunei kali ini menggunakan kertas 'wood free' bagi menggantikan kertas 'newsprint' yang telah digunakan sejak tahun 1967. Ini ialah salah satu lagi pencapaian Pelita Brunei dalam meningkatkan lagi kualiti perisian dan reka letak khusus kepada para pembacanya.

Dalam waktu yang sama jabatan juga turut melancarkan buku Koleksi Melayu Islam Beraja (MIB) yang mengadungi penulisan-penulisan rencana mengenai MIB yang pernah disiarkan di akhbar Pelita Brunei. Pengumpulan koleksi seperti ini adalah selaras dengan hasrat jabatan untuk mengangkat dan menyebarkan MIB di kalangan masyarakat umum dan misi jabatan iaitu ke arah Membudayakan Masyarakat Bermaklumat.

Dalam kesibukan melaksanakan aktiviti-jabatan, jabatan berkesempatan menerima lawatan dan juga terlibat dalam kegiatan keagamaan. Beberapa orang pegawai dan kakitangan turut serta dalam Majlis Perhimpunan dan Perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Sememangnya kegiatan yang melibatkan semua warga Penerangan terus berjalan dengan jayanya kerana adanya kesediaan dan komitmen serta kerjasama semua peringkat warga. Ini yang dihasratkan oleh jabatan, semua warga sama-sama berperanan dalam mendukung visi dan misi jabatan. Wassalam.

DR. MUHAMMAD HADI BIN MUHAMMAD MELAYONG
PENGARAH PENERANGAN

Isi Kandungan

- Majlis Pelancaran Pelita Brunei Berwajah Baru
- Pertukaran Pegawai- 1
- Majlis Pelancaran Buku Koleksi MIB 3
- Kursus Fotografi 4
- Kempen Mengibar Bendera Negara Brunei Sempena Hari Kebangsaan Ke-26 5
- Taklimat Mengenai Perancangan Kemajuan Jangka Panjang Brunei Darussalam 2035
- Kakitangan Bersara
- Taklimat Media
- Latihan Tarik Kalat 6
- Jadual MRO
- Lawatan Sekolah Tentera Laut
- Selamat Hari Lahir 7
- Pemenang Peraduan Fotografi bagi Bulan Februari 2010
- Foto-foto terpilih (Kumpulan ... Kursus Fotografi) 8

Biskita dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita bahagian masing-masing. Berita berkenaan boleh dihantar terus ke Bahagian Perhubungan Awam atau Bahagian Berita Inggeris dan Media IT.

Berita-berita berkenaan juga boleh dihantar melalui faks 2382012 atau 2382548

Atau e-mel terus ke wartapenerangan@gmail.com

Layarilah laman web PELITA BRUNEI melalui:
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>
E-mail: pelita.brunei@information.gov.bn

Majlis Pelancaran Buku Koleksi MIB

Sebagai menandai Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab kita bagi menyebarkan dan menanamkan falsafah negara kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, Jabatan Penerangan telah menerbitkan Buku Koleksi MIB.

Majlis pelancarannya diadakan di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam pada 6 Februari 2010 dan disempurnakan oleh Menteri Pendidikan yang juga selaku Pengerusi Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja (MIB), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato seri setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib.

Di majlis itu juga diisi dengan ceramah khas yang disampaikan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Uagama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badarudin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

Penerbitan Buku Koleksi MIB adalah merupakan satu usaha untuk menyemai dan mendidik nilai-nilai kebruneian yang berlandaskan cara hidup MIB kepada generasi muda masa kini yang bakal mewarisi negara bangsa Brunei di masa akan datang dan kita berharap melalui Sistem Pendidikan Negara Abad 21 (SPN21) sekurang-kurangnya tenaga pengajar, penuntut-penuntut dan murid-murid sekolah di semua peringkat akan dapat menjadikan buku ini sebagai bahan rujukan dalam mata pelajaran MIB.

Jabatan Penerangan juga akan mengedarkan dan mengagih-agihkan Buku Koleksi MIB ini secara percuma kepada institusi-institusi pendidikan di negara ini sama ada kerajaan atau swasta, di samping



Antara tetamu dan jemputan yang hadir di Majlis pelancaran Buku Koleksi MIB terbitan Jabatan Penerangan.

itu buku ini juga akan diedarkan kepada Jabatan-jabatan kerajaan, kementerian-kementerian dan orang perseorangan untuk rujukan dan bacaan umum bagi mengukuhkan lagi penghayatan terhadap cara hidup MIB yang kita warisi sejak lebih dari 600 tahun yang lalu.

Buku Koleksi MIB yang dilancarkan adalah merupakan himpunan keras kerja atau rencana yang telah diterbitkan dalam Pelita Brunei dari sejak tahun 1984 sehingga ke tahun 2009 dan sebanyak lebih kurang 36 buah rencana telah dikumpulkan hasil pena penulis-penulis tempatan yang berkaitan dengan falsafah negara MIB.



Tetamu kehormat Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib.



Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong menerima cenderamata daripada tetamu kehormat majlis.



Dayangku Hajah Fatimah binti Pengiran Haji Md. Noor, Penolong Penyunting Tingkat I, Jabatan Penerangan ketika menerima cenderamata daripada tetamu kehormat.



Tetamu kehormat dan para jemputan kenamaan yang hadir di majlis pelancaran Buku Koleksi MIB terbitan Jabatan Penerangan bergambar ramai.

Kursus Fotografi



Para peserta kursus dengan gaya tersendiri bergambar ramai bersama pakar Fotografi dari Malaysia, Profesor Chong Wee Feing.

Seramai 30 pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan telah menyertai kursus fotografi selama tiga hari bermula pada 2 hingga 4 Februari, berlangsung di SEAMEO VOCTEC. Kursus dibimbing oleh Pakar Fotografi dari Malaysia, Profesor Chong Wee Feing.

Kursus tersebut telah diresmikan oleh Pengarah Penerangan, Dr Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.

Dengan adanyakursustersebutpeserta diharap akan dapat memberikan pulangan yang baik khususnya kepada jabatan ini. Terutama dalam meningkatkan prestasi serta kualiti dan mutu kerja dalam usaha mengangkat nama dan martabat jabatan bagi mencapai matlamat menyebarkan maklumat pada masyarakat.

Sepanjang kursus para peserta didedahkan mengenai dengan penggunaan kamera Digital SLR yang lebih berkesan bagi menghasilkan gambar yang menarik dan tepat.

Peserta jugaberkesempatanmengikuti sesi penggambaran luar (outdoor) secara berkumpulan dan seterusnya meneliti hasil penggambaran bersama, untuk diberikan kritikan dan pandangan yang membina.

Kursus seumpama ini diharap akan dapat diteruskan dengan memberikan peluang kepada pegawai dan kakitangan di jabatan ini untuk menambahkan lagi ilmu dan kemahiran masing-masing selaras dengan tugas dan tanggungjawab mereka di jabatan ini.



Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong menyampaikan ucapan semasa meresmikan kursus fotografi.



Profesor Chong ketika memberikan penerangan kepada peserta kursus.



Pelbagai aksi dan gaya tersendiri para peserta semasa sesi penggambaran luar (outdoor)

Kempen Mengibar Bendera Negara Sempena Hari Kebangsaan Ke-26



Tetamu kehormat Awang Haji Mawardi bin Haji Abdullah, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bersama para jemputan yang hadir.

Jabatan Penerangan melalui Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan telah menganjurkan Kempen Mengibar Bendera Negara sempena ulang tahun sambutan Hari Kebangsaan Ke-26 bagi keempat-empat daerah di negara ini.

Kempen bermula pada 4 Februari di Daerah Tutong bertempat di Dewan Seri Kenangan, Kompleks Kemasyarakatan dengan kerjasama Majlis Perundingan Mukim (MPM) Pekan Tutong. Tetamu kehormat majlis, Awang Haji Mawardi bin Haji Abdullah, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan ceramah khas Bendera Negara telah disampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Seri Wijaya Pengiran Haji Ahmad bin Pengiran Haji Mohd. Yusof, Timbalan Yang Dipertua Adat Istiadat Negara. Majlis juga diserikan dengan deklamasi puisi 'Bendera' dan 'Esok Tanggal 23 Februari Bukan Mimpi' oleh Awang Haji Moksni bin Haji Kadir atau lebih dikenali dengan nama pena K. Manis, manakala 'Bendera Negara Kukibarkan' telah dideklamasikan oleh Cikgu Haji Ramlee bin Tunggul.

Timbalan Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri, Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof telah menjadi tetamu kehormat bagi Kempen Mengibar Bendera Negara bagi Daerah Brunei-Muara berlangsung pada 9 Februari di Dewan Sukma Indra, Sekolah Rendah Rimba II, Gadong 'A'. Majlis tersebut merupakan kerjasama MPM Gadong 'A' dan disokong oleh Giant Hypermarket Tasik Rimba. Ceramah khas telah disampaikan oleh Profesor Madya Dr. Haji Awang Asbol bin Haji Mail dari Universiti Brunei Darussalam manakala deklamasi puisi 'Bendera Kukibarkan' telah disampaikan oleh murid Sekolah Rendah Rimba II.

Bertempat di Dewan Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Lumut telah berlangsung Kempen Mengibar Bendera Negara bagi Daerah Belait dengan kerjasama MPM Liang pada 10 Februari. Tetamu kehormat, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Muhammad Lufti bin Haji Abdullah, manakala ceramah khas telah disampaikan oleh Pengiran Dr. Hidop bin Pengiran Haji Shamsuddin,

Penolong Yang Dipertua Adat Istiadat Negara. Deklamasi puisi 'Bendera Lambang Kedaulatan Negara' telah disampaikan oleh Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, Penghulu Mukim Liang.

Dengan kerjasama MPM Batu Apoi, Kempen Mengibar Bendera Negara bagi Daerah Temburong telah diadakan di Balai Raya Kampong Batu Apoi pada 16 Februari. Timbalan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni telah hadir selaku tetamu kehormat majlis. Ceramah khas telah disampaikan oleh Dr. Mataim bin Bakar dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, manakala puisi 'Bendera Kukibarkan' telah dideklamasikan oleh Awang Haji Abdul Salam bin Haji Awang.

Kempen Mengibar Bendera Negara bagi daerah-daerah di negara ini juga diserikan dengan tayangan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara' dan penyampaian bendera oleh tetamu kehormat kepada para penduduk mukim dan kampung yang terpilih dan diakhiri dengan Bacaan Doa Selamat.



Tetamu kehormat menyempurnakan penyerahan Bendera Negara kepada salah seorang penduduk mukim dan kampung yang terpilih.



Persembahan daripada murid Sekolah Rendah Rimba II.

Taklimat Mengenai Perancangan Kemajuan Jangka Panjang Brunei Darussalam 2035

Jabatan Penerangan selaku Sekretariat Jawatankuasa perhubungan Awam Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Jabatan perancangan kemajuan Ekonomi telah mengadakan taklimat mengenai perancangan kemajuan Jangka penjang Negara Brunei Darussalam 2009-2035 kepada lebih 80 orang Pegawai-Pegawai Perhubungan Awam kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan di negara ini.

Taklimat berlangsung pada 18 Februari bertempat di Bilik Persidangan Pehin Orang Kaya Shahbandar, Jabatan Penerangan.

Ucapan alu-aluan di sampaikan oleh Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.



Penolong Pengarah Perancangan, Jabatan Perancangan Kemajuan Ekonomi, dayang Hajah Amimah binti Orang Kaya Seri Wijaya Haji Abdullah ketika menyampaikan taklimat kepada Pegawai-Pegawai Perhubungan Awam kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, turut hadir Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong..

Sementara Penolong Pengarah Perancangan, Jabatan Perancangan Kemajuan Ekonomi, Dayang Hajah Amimah binti Orang Kaya Seri

Wijaya Haji Abdullah menyampaikan taklimat mengenai matlamat Wawasan Brunei 203.

Taklimat Media Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-26

Taklimat media dan penyerahan pas-pas media yang akan membuat liputan sepanjang sambutan Hari Kebangsaan telah diadakan di Bilik Persidangan Orang Kaya Shahbandar, Jabatan Penerangan pada 20 Februari.

Antara yang menyampaikan taklimat ialah Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong dan Ketua Bahagian Perkhidmatan Media, Awang Haji Dayang bin Haji Kassim.

Para media yang terdiri dari media dari agensi kerajaan, swasta dan persatuan-persatuan fotografi antara lain telah diberikan taklimat mengenai pergerakan media, tatatertib dan protokol serta keselamatan sewaktu acara perayaan



Wakil media yang terlibat secara langsung semasa sambutan Hari kebangsaan Ke-26 mendengar taklimat media yang disampaikan oleh Awang Haji Dayang bin Haji Kassim, Ketua Bahagian Perkhidmatan Media.

Latihan Tarik Kalat

Sebagai persiapan untuk menyertai Pesta Sukan Kementerian-Kementerian Kerajaan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Perkhidmatan Awam yang ke-16, Jabatan Perdana Menteri juga menyertai Sukan Tarik Kalat.

Pasukan ini dianggotai oleh gabungan empat buah jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri yang terdiri dari Jabatan Penerangan, Jabatan perkhidmatan elektrik, Jabatan Adat Istiadat Negara dan Jabatan perancangan dan Kemajuan Ekonomi.

Sesi latihan telah diadakan setiap hari bekerja bermula jam 8 pagi di Jabatan Penerangan. Jadual latihan bermula dari sesi pemanasan badan, berlari sejauh 2 kilometer, latihan fizikal dan tarik kalat. Tujuan latihan diadakan bagi meningkatkan tahap stamina dan ketahanan minda juga fizikal para penarik kalat.



Para peserta giat berlatih setiap pagi untuk memantapkan mental dan fizikal mereka dan usaha mereka patut diberikan pujian.

Pegawai Penghubung Media (MRO) yang bertugas pada bulan Februari

Pegawai Penghubung Media atau Media Relations Officer (MRO), salah sebuah unit di Bahagian perkhidmatan Media yang bertugas mengawal selia, menyelaraskan serta memantau pergerakan media dalam acara-acara yang melibatkan keberangkatan kebawah Duli Yang Maha Mulia Padduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja yang lain.

MRO bertugas untuk memastikan liputan setiap majlis tertentu akan berjalan dengan teratur dan kemas serta mengikut peraturan dan ketetapan yang sedia ada. Ia juga memastikan setiap pengamal media mematuhi etika kewartawanan, baik dari segi berpakaian dan liputan.



Gambar dan jadual disediakan oleh Bahagian Perkhidmatan Media

7 Februari	Majlis menaikkan bendera sempena ulang tahun sambutan Hari Kebangsaan Ke 26 di Taman Sir Omar Ali Saifuddin.
18 Februari	Majlis Doa Kesyukuran di Istana Nurul Iman.
22 Februari	Majlis Doa Kesyukuran sempena Hari Kebangsaan Ke 26 di Masjid Sultan Haji Omar Ali Saifuddin.
23 Februari	Hari Kebangsaan Ke 26 di Taman Sir Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan.
25 Februari	Sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah anjuran Polis Diraja Brunei di Indera Kayangan Empire Hotel and Country Club.
27 Februari	Sambutan Maulud Nabi di Taman Sir Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan.

Lawatan Sekolah Tentera Laut

Seramai 14 orang guru termasuk Penolong Guru Besar Sekolah Rendah Tentera laut Diraja Brunei (SRTLDB), Pengkalan Tentera Laut Muara, Brunei II telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Jabatan Penerangan.

Rombongan diketuai oleh Ketua Bahagian Perkembangan Staf SRTLDB, Awang Abdul Rashid bin Haji Tahir.

Para pelawat telah diberikan taklimat mengenai Struktur Organisasi Perkhidmatan-Perkhidmatan Jabatan Penerangan, taklimat disampaikan oleh Dayang Noriah binti Abdul Hamid, Pegawai Perhubungan Awam.

Rombongan juga berpeluang beramah mesra dengan Pemangku Timbalan Pengarah penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti



Rombongan dari Sekolah Rendah Tentera Laut Diraja Brunei (SRTLDB) bergambar ramai bersama Timbalan Pengarah Penerangan serta pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Haji Aliomar dan para pegawai-pegawai kanan, Jabatan Penerangan. Majlis diikuti dengan penyampaian cenderahati daripada Timbalan Pengarah Penerangan kepada Ketua Bahagian Perkembangan Staf SRTLDB dan seterusnya sesi

bergambar ramai. Sebelum mengakhiri lawatan, rombongan dibawa meninjau secara lebih dekat ke Unit Pelita online dan Unit Produksi PELITA BRUNEI. Bahagian Fotografi dan Audio Visual dan juga ke Perpustakaan Mini.



Makan Malam Perpisahan



Makan Malam Perpisahan bagi Awang Haji Mahmud bin Haji Masri, Pegawai Pentadbiran Tingkat Khas yang berlangsung di RBA Golf Club. Ucapan tahniah dan selamat maju jaya dari seluruh warga Penerangan.

Pemenang Peraduan Anugerah Fotografi Terbaik 2010

Dengan tema 'Di Sebalik Acara Semasa Sambutan Hari Kebangsaan Ke-26 2010' Peraduan Anugerah Fotografi Terbaik 2010 diteruskan lagi bagi bulan Februari yang penyertaannya dibukakan sehingga 15 Mac.

Gambar 'Siap Sedia' oleh Ampuan Haji Mahmud bin Ampuan Haji Tengah telah menjuarai peraduan tersebut bagi Kategori Jurugambar. Manakala bagi Kategori Kakitangan, Awang Samle bin Haji Jait telah berjaya menduduki tangga teratas.

Bagi bulan Mac, peraduan tersebut bertemakan 'Mata' (mata manusia/ binatang dirakam (foto) cara dekat (close-up, extreme close-up, macro) dan lain-lain lagi dan penyertaannya dibukakan sehingga 15 Mei.



Gambar yang berjaya menduduki tangga teratas bagi Kategori Kakitangan.



'Siap Sedia' oleh Ampuan Haji Mahmud bin Ampuan Haji Tengah telah menjuarai Kategori Jurugambar.

Foto Pilihan - Kursus Fotografi



Selamat Hari Lahir

- | | |
|--|-------------|
| 1. Awang Lim Ting Tiang | 2 Februari |
| 2. Awang Tamam bin Haji Garip | 4 Februari |
| 3. Awang Ramli bin Tengah | 7 Februari |
| 4. Awang Mohd. Suzawadeen bin Mohd. Zaidi | 11 Februari |
| 5. Awang Haji Salleh bin Haji Ibrahim | 12 Februari |
| 6. Awang Ahmad bin Haji Tahir | 14 Februari |
| 7. Awang Era bin Sabli | 16 Februari |
| 8. Awang Rafee bin Yaakub | 24 Februari |
| 9. Dayang Julinia binti Mohd. Ali | 24 Februari |
| 10. Dayang Faridah binti Haji Kaderi | 26 Februari |
| 11. Awang Haji Mohd. Yusoff bin Mohd. Yassin | 27 Februari |